

|             |                                      |            |         |
|-------------|--------------------------------------|------------|---------|
| Headline    | TNB ikat THT KLHC, UniKL kongsi mata |            |         |
| MediaTitle  | Berita Harian                        | Language   | Malay   |
| Date        | 27 Aug 2016                          | Readership | 947,000 |
| Circulation | 125,514                              | Page No    | 52      |
| Section     | Sukan                                | Journalist | N/A     |
| ArticleSize | 249 cm <sup>2</sup>                  |            |         |
| PR Value    | RM 25,750                            |            |         |



# TNB ikat THT; KLHC, UniKL kongsi mata

**Kuala Lumpur.** Hajat juara bertahan, Pasukan Hoki Terengganu (THT) mengurangkan jarak dengan peneraju Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) tidak tercapai selepas terikat 4-4 dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam aksi ketiga Liga Premier Hoki Malaysia (MHL)-TNB 2016, di sini, semalam.

Pasukan ini yang berada di kedudukan ketiga liga, bukan hanya gagal merapatkan jurang kepada satu mata sebaliknya kekal ketinggalan tiga mata selepas KLHC terikat 1-1 dengan UniKL sebelum itu.

Dalam aksi pesta gol itu, skuad pelawat tidak menunggu lama untuk berada di depan apabila penyerangnya Tengku Ahmad Tajuddin Abdul Jalil mudah menewaskan penjaga gol TNB, S Kumar seawal minit pertama yang mengejutkan kira-kira 500 penyokong tuan rumah.

Bagaimanapun, kelebihan itu hanya dipadamkan tidak kurang daripada 20 saat selepas pertahanan TNB, Syed Mohd

Syafiq Syed Cholan menguis bola hantaran silang sebelah kanan rakan pasukannya untuk keduakan kembali terikat 1-1.

Tersentak dengan jaringan itu, THT yang juga juara bertahan dua musim berturut-turut kembali melancarkan serangan bertali arus namun dinafikan menerusi kecekapan Kumar.

Sebaliknya, TNB yang banyak bertahan di kubu sendiri menjaringkan gol kedua menerusi bekas tonggak skuad Projek 2013, Norhizzat Sumantri hasil serangan kilat pada minit ke-24 sebelum pantas disamakan Tengku Ahmad Tajuddin selang tiga minit kemudian.

Muhammad Hafizhuddin Zaidi, bagaimanapun, memastikan skuad bimbingan Muhd Amin Rahim menuju ke rehat suku kedua dengan mengatasi lawannya 3-2 apabila menjaringkan gol padang pada minit ke-29.

## Pungut tiga mata penuh

Bersambung suku ketiga, THT bangkit mengikat aksi kali ini hasil pukulan sudut penalti tonggak import dari Pakistan Muhammad Irfan Aslam pada minit ke-31.

Ketika TNB seakan hampir memungut tiga mata penuh hasil jaringan keempat Syed Mohd Syafiq pada minit ke-53, THT nyata tidak mahu berputih mata apabila Nicolas Enrique kembali menjaringkan gol penyamaan tiga minit sebelum tamat perlawanan.

Dalam pada itu, pasukan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) memerlukan jaringan lewat permainan tonggak import Muhammad Toseeq untuk mengikat naibjuara musim lalu KLHC 1-1.

Sapura pula bangkit mengatasi Maybank 2-1 dengan kedua-dua jaringan skuad kendalian Yahya Atan itu disumbangkan Joel Van Huizen dan Dangerous Lee Matthew.

Oleh Naqib Nor Said



**Pemain THT, Kim Junghoo (kanan)** diasak Muhamad Azammi Abadi (dua kiri) pada aksi Liga Hoki Perdana TNB di Stadium Hoki Kuala Lumpur, malam tadi.